

26/10/1998

KDN tingkat usaha cegah penyeludupan

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) memperhebatkan usaha membanteras aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras yang dijangka meningkat berikutan kenaikan duti import dan eksais kedua-dua barangan itu seperti diumumkan dalam Belanjawan 1999, kelmarin.

Sehubungan itu, semua agensi di bawah KDN, khususnya Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan polis serta kastam diarah memperluaskan kerjasama bagi memastikan aktiviti pasaran gelap itu dilumpuhkan dengan tumpuan di kawasan sempadan.

Timbalan Menterinya, Datuk Ong Ka Ting, berkata usaha meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan perlu, walaupun pelbagai agensi terbabit sebelum ini sedia melaksanakan tugas berkenaan.

"Kegiatan penyeludupan pelbagai barangan termasuk rokok dan minuman keras sebelum ini sememangnya berlaku, tetapi dengan kenaikan cukai kedua-dua barang itu, penguatkuasa terutama UPP dengan kerjasama polis, imigresen dan kastam akan meningkatkan usaha mengawasinya.

"Saya berharap rakyat Malaysia faham kenaikan cukai itu untuk kebaikan kesihatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pondok Relia Taman Pertama di sini, malam tadi.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 1999 kelmarin mengumumkan duti import rokok dan keluaran tembakau lain, masing-masing dinaikkan dari RM139 sekilogram dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram.

Sementara itu, duti eksais bagi rokok yang dikilang dalam negara dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram.

Duti import dan eksais ke atas semua jenis minuman keras pula dinaikkan 20 peratus daripada kadar semasa.

Ong berkata, usaha membanteras aktiviti penyeludupan dilakukan melalui penahanan langsung dan tindakan undang-undang atau pencegahan.

Melalui tindakan pencegahan katanya, agensi di bawah KDN menggunakan ejen perisi bagi mengumpul maklumat pihak yang melakukan penyeludupan dan lokasi.

Selain itu katanya, ganjaran tertentu disediakan bagi mendapatkan kerjasama orang awam yang dapat memberi maklumat untuk tindakan.

Malah, tegasnya, kejayaan mematahkan banyak cubaan penyeludupan adalah hasil maklumat orang awam.

Sehubungan itu, beliau merayu rakyat negara ini termasuk anggota Rela supaya memberi kerjasama kepada agensi di bawah KDN ke arah penguatkuasaan lebih berkesan.

Dalam perkembangan lain Ong berkata, rakyat negara ini perlu bersikap objektif dan sentiasa peka dengan dapat mengesan motif pihak asing terutama kuasa besar yang bersekongkol atau mempunyai kaitan rapat dengan media mereka untuk memburukkan kepimpinan negara.

(END)